

→ PENDIDIKAN

Ibu bapa tak wajar pilih kerjaya anak

➔ Pelajar memerlukan nasihat, galakan kerana kurang pendedahan

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

➔ Bangi

Sikap ibu bapa yang cenderung menentukan laluan kerjaya anak bukan saja akan menyebabkan sikap malas bekerja dan tidak bermotivasi, tetapi juga boleh menjurus kepada masalah lebih serius termasuk kemurungan.

Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Salleh Amat, berkata berdasarkan pemerhatiannya menunjukkan anak-anak yang dipaksa memilih kerjaya tidak diminati berkemungkinan akan menimbulkan pelbagai masalah kelak.

Beliau berkata, cara terbaik ialah ibu bapa memberi nasihat dan sokongan kepada anak-anak dengan memberi pelbagai pendedahan mengenai pelbagai pilihan kerjaya dan bukan kerana dipengaruhi sesiapa untuk menceburi sesuatu bidang.

"Tindakan ibu bapa itu boleh menyebabkan anak-anak mengalami tekanan dan melakukan protes secara senyap selain mungkin akan cuba menggagalkan diri sendiri.

Perlu pendedahan

"Seseorang pelajar itu semanginya tahu apa yang mereka ingin capai dalam kehidupan terutama berkaitan kerjaya, namun mereka kurang mendapat pendedahan dan tidak mengetahui cara untuk menjurus ke arah itu," katanya kepada BH pada Seminar Peningkatan Profesionalisme Kaunseling Kerjaya,

di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh UKM, baru-baru ini.

Seminar anjuran Eksekutif Program Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), UKM itu bertujuan memberi pendedahan kepada guru kaunseling berkaitan pendekatan terbaik bagi membimbing pelajar dalam menentukan kerjaya mereka.

Pada seminar itu turut diadakan forum bagi membincangkan tiga isu utama iaitu kepelbagaian budaya, keluarga dan kerjaya serta pelajar pintar yang membariskan Salleh, Pensyarah UKM, Prof Dr Zuria Mahmud dan Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan UKM, Dr Abu Yazid Abu Bakar sebagai ahli panel.

Salleh berkata, antara langkah terbaik bagi ibu bapa membantu ialah dengan menilai minat anak mereka dan pada masa sama dapat menerangkan mengenai



[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

Ahli panel pada Seminar Peningkatan Profesionalisme Kaunseling Kerjaya, Salleh (dua dari kiri), Zuria (dua dari kanan) dan Abu Yazid (kanan) di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh UKM, baru-baru ini.

Info

➔ Seminar dihadiri lebih 350 guru sekolah rendah dan menengah dari Negeri Sembilan, Pahang dan Kuala Lumpur

➔ Forum diadakan untuk membincangkan tiga isu utama

cabaran dalam dunia pekerjaan sebenar.

Beri inspirasi

"Bimbingan ibu bapa dapat memberi inspirasi dan pengetahuan kepada anak mereka cara untuk memperluaskan diri sebelum menceburi bidang yang diminati," katanya.

Sementara itu, Zuria berkata, kemahiran insaniah juga perlu diterapkan dalam diri pelajar supaya mereka lebih bertanggungjawab, pandai berdikari dan mahir berkomunikasi.

"Ibu bapa perlu sentiasa melihat perkembangan kerjaya anak masing-masing sejak daripada kecil hingga dewasa. Ibu bapa boleh mengetahui minat anak mereka melalui tingkah laku dan aktiviti yang dilakukan seterusnya dapat membimbing mengikut minat yang ditunjukkan," katanya.